

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

SOALAN :

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Nyatakan nama projek, lokasi, bilangan unit yang akan dibina, kos pembinaan, dan tahap terkini bagi projek masing-masing.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembangunan PR1MA akan dibangunkan di seluruh Malaysia termasuklah Pulau Pinang. Setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 26,291 unit rumah untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini adalah melebihi jumlah yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2012 iaitu untuk membina 20,000 unit rumah murah dan kos sederhana di negeri Pulau Pinang.

Kesemua projek – projek ini berada dalam pelbagai peringkat perancangan dan pembinaan. PR1MA bersedia dan terbuka bagi mengadakan rundingan dan perbincangan dari semasa ke semasa bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan pembangunan PR1MA dapat dijayakan demi manfaat rakyat khususnya penduduk di negeri Pulau Pinang.

Projek rumah PR1MA adalah terdiri daripada pelbagai jenis mengikut kesesuaian projek. Harga rumah PR1MA yang ditawarkan adalah antara RM100,000 – RM400,000 dengan mengambil kira tahap kemampuan golongan sasaran. Ini adalah secara purata 20% lebih rendah berbanding harga pasaran semasa rumah di lokasi dan spesifikasi yang sama.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN : 207

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan setiap jabatan, agensi, suruhanjaya, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang terletak di bawah portfolio mengikut setiap Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Portfolio setiap Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ditentukan oleh YAB Perdana Menteri untuk membantu tugas YAB Perdana Menteri mengikut Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 yang berkuatkuasa mulai 16 Mei 2013.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

SOALAN : 208

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kedudukan terkini bagi lapangan terbang baru di negeri Kedah yang dirancangkan khusus bagi kawasan utara Semenanjung Malaysia. Berapakah anggaran kos terkini.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan Kajian Kemungkinan Pembangunan Lapangan Terbang Baru di Utara Malaysia. Keputusan kajian ini akan memberikan panduan terhadap kebolehlaksanaan projek-projek pembangunan lapangan terbang di utara Malaysia termasuk cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Kedah.

Buat masa ini, Kerajaan sedang meneliti dapatan hasil kajian tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

SOALAN : 209

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pergerakan pesawat “fixed wings” bagi penumpang dan kargo lengkap dengan statistik pendaratan dan perlepasan antara 2013 hingga 2016 di lapangan-lapangan terbang berikut: KLIA, KLIA2, Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu dan Skudai. Adakah kelengkapan secondary radar sekarang yang perlu dipertingkatkan untuk menjamin keselamatan penerbangan.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Jumlah pergerakan pesawat bagi Lapangan Terbang KLIA, KLIA2, Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu dan Senai bagi tahun 2013 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

| LAPANGAN TERBANG | 2013 | 2014 | 2015 | Jan 2016 |
|------------------|---------|---------|---------|----------|
| KLIA | 173,250 | 183,828 | 174,177 | 13,432 |
| KLIA2 | 152,287 | 155,822 | 179,093 | 16,151 |
| Pulau Pinang | 56,760 | 63,396 | 64,527 | 5,315 |
| Kuching | 53,095 | 50,917 | 50,738 | 3,782 |
| Kota Kinabalu | 67,601 | 68,776 | 66,945 | 5,279 |
| Senai | 19,008 | 23,135 | 26,342 | 1,984 |

Kelengkapan *secondary radar* di bawah seliaan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) berada di dalam keadaan yang optimum. Justeru, Kerajaan telahpun meluluskan peruntukan melalui di bawah RMKe-10 dan RMKe-11 bagi mempertingkatkan keupayaan sistem sediaada melalui projek Projek Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KL ATCC) Baru Dan Sistem-Sistem Berkaitan Bagi Kuala Lumpur *Flight Information Region* (FIR) serta Penggantian Dan Penambahbaikan Sistem Pengurusan Trafik Udara Di Kota Kinabalu *Flight Information Region* (Merangkumi Sabah Dan Sarawak).